

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah tindakan Kerajaan mengatasi masalah dan juga kelemahan di pusat pemindahan banjir dari pelbagai aspek bagi memberi keselesaan kepada mangsa banjir.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan untuk membantu mangsa yang terjejas bencana banjir selaras dengan peruntukan di bawah Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20.

Selaras dengan arahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) pada 3 Januari 2014 lalu, JKM telah mempertingkatkan tahap pengendalian perkhidmatan di pusat-pusat pemindahan. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Penyediaan *collapsible partition* dan *collapsible tent* bagi menampung keperluan pengasingan ruang kepada golongan berkeperluan seperti wanita menyusui, warga emas, orang kurang upaya dan sebagainya;
- b) Penyediaan *refreshment kit* kepada mangsa yang dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan. *Kit* ini diisi dengan biskut, roti dan air mineral semasa mangsa tiba ke pusat pemindahan dengan tujuan supaya mangsa dibekalkan makanan untuk mengalaz perut;
- c) Penyediaan makanan bermasak dalam bungkusan pada hari pertama dan kedua sehingga kemudahan untuk memasak

disediakan. Aktiviti penyediaan makanan bermasak ini akan dijalankan secara bergotong-royong di pusat-pusat pemindahan;

- d) Pelantikan Pegawai Pengurus pusat pemindahan di setiap pusat-pusat pemindahan bagi memastikan kawalan dan penyelarasan yang lebih tersusun dan berstruktur;
- e) Pengwujudan jawatankuasa bagi mengendalikan operasi di pusat pemindahan. Sebanyak tujuh (7) Jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pendaftaran Mangsa, Jawatankuasa Bekalan Keperluan, Jawatankuasa Makanan, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, Jawatankuasa Aktiviti, dan Jawatankuasa Sukarelawan;
- f) Penyediaan perkhidmatan intervensi kaunseling kepada mangsa-mangsa yang mengalami tekanan/trauma melalui sokongan psikologikal dan terapi/penaksiran psikologi. Seramai 101 orang Pegawai Psikologi di bawah Lembaga Kaunselor, JKM telah diarah untuk membantu mangsa-mangsa bencana; dan
- g) Penganjuran pelbagai aktiviti di pusat-pusat pemindahan memandangkan kebanyakan mangsa-mangsa bencana ditempatkan di pusat-pusat pemindahan dalam tempoh masa yang lama. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan lebih berfokus mengikut kumpulan-kumpulan umur yang berlainan supaya dapat mengurangkan kemurungan.

Dalam pengendalian bencana banjir baru-baru ini, secara keseluruhan JKM telah membelanjakan sejumlah RM12,937,736.20. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM9,211,620.00 diperuntukkan bagi keperluan

bencana di pusat pemindahan di setiap negeri. Manakala perbelanjaan di bawah perolehan darurat sejumlah RM3,726,116.20 bagi tujuan pembelian bekalan makanan, bekalan keperluan asas dan sewaan kenderaan untuk memastikan kelancaran agihan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana.

Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada mangsa-mangsa bencana tanpa mengira kaum.

Sekian. Terima kasih.